



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 19 DISEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **998 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **76,242 kes** (82.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 19 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,153 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **91,969 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 15,294 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat dua (2) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 1,151 kes.

Negeri Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **401 kes (34.8 peratus)**. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur sebanyak **281 kes (24.4 peratus)** dan Sabah yang melaporkan sebanyak **199 kes (17.3 peratus)**.

Sebanyak **176 kes (15.3 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan depot tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (96 kes) dan Kluster Tembok (80 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **112 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **56 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **satu (1) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **433 kes (0.47 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/Tempat Kematian	Latar Belakang
433	75991	Pulau Pinang	Perempuan (WN)	76	Hospital Pulau Pinang	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia

*WN merujuk kepada warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga beliau.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 19 Disember 2020, terdapat sebanyak **440 kluster** telah dilaporkan termasuk **lima (5) kluster baharu** pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **241 kluster** termasuk **tiga (3) kluster yang tamat** pada hari ini iaitu Kluster Softwood LD di Sabah, Kluster Besi Demak di Sarawak dan Kluster Rajawali di Pulau Pinang. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **199 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **41 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Tapak Bina Jalan Stadium (167 kes)**, **Kluster Penjara Jalan Harapan (96 kes)**, dan **Kluster Tembok (80 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **lima (5) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER TAPAK BINA JALAN ZUHRAH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di negeri Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 14 Disember 2020 melalui saringan tempat kerja di sebuah tapak binaan. Sehingga 19 Disember 2020, sejumlah 450 individu telah disaring, di mana **49 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER KERIS RESIDENCE

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Kinabalu dan Tuaran di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-80664) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Disember 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 19 Disember 2020, sejumlah 65 individu telah disaring, di mana **41 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER JALAN TIMAH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru dan Kulai di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-90535) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 18 Disember 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 19 Disember 2020, sejumlah 238 individu telah disaring, di mana **26 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER BRUMAS

Kluster ini melibatkan daerah Kalabakan di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-74561) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 8 Disember 2020 hasil saringan sendiri. Sehingga 19 Disember 2020, sejumlah 89 individu telah disaring, di mana **16 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER LONG PANJI

Kluster ini melibatkan daerah Kota Bharu dan Machang di negeri Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-86605) telah dilaporkan

positif COVID-19 pada 15 Disember 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 19 Disember 2020, sejumlah 202 individu telah disaring, di mana **11 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

19 Disember 2020 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 19 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	199	34,282
SELANGOR	401	24,024
W.P. KUALA LUMPUR	281 (2)	9,904
NEGERI SEMBILAN	18	6,876
JOHOR	75	2,987
PULAU PINANG	30	2,930
KEDAH	13	2,882
PERAK	82	2,857
W.P. LABUAN	19	1,514
SARAWAK	2	1,087
PAHANG	16	877
MELAKA	3	694
KELANTAN	10	493
TERENGGANU	0	285
W.P. PUTRAJAYA	4	232
PERLIS	0	45
JUMLAH KESELURUHAN	1,153 (2)	91,969

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 1,153 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 19 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 401 kes**

- 156 kes daripada kluster-kluster, termasuk 26 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Zuhrah**;
- 119 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 126 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 281 kes**

- 207 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 35 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 37 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 199 kes**

- 77 kes daripada kluster-kluster, termasuk 44 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Keris Residence** dan **Kluster Brumas**;
- 73 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 49 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 82 kes**
 - 79 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 75 kes**
 - 22 kes daripada kluster-kluster, termasuk 15 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Timah**;
 - 38 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 30 kes**
 - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 19 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster sedia ada;
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 18 kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 16 kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 13 kes**
 - 10 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 10 kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Long Panji**;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Empat (4) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka : Tiga (3) kes**
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.